

Newspaper	Harakah
Date	8 May 2015

UMNO sedar bahawa serangan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ke atas Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak akan memberi impak yang besar berhubung sikap rakyat terhadap kerajaan.

Apa yang diperkatakan Tun terhadap Najib sama sahaja dengan bahan-bahan serangan oleh Pakatan Rakyat selama ini. Bahkan sebahagian bahan serangan oleh Tun itu dcedok dari kenyataan para pemimpin Pakatan. Tiada banyak perkara baharu pun dari Tun.

Cuma yang berbeza ialah kesan serangan. Serangan Pakatan terhadap Najib berjaya mempengaruhi kelompok yang selama ini tidak berminat untuk menyokong BN.

Manakala serangan Tun terhadap Najib akan mempengaruhi penyokong biasa dan penyokong tegar BN. Sekurang-kurangnya untuk mula berfikir bahawa kepimpinan yang menerajui negara tidak betul dalam banyak perkara. Jika dua kelompok itu bersatu untuk menolak Najib dan kerajaan BN; ikut sifir politiknya cukup untuk tumbangkan BN kerana kerajaan yang ada dinaikkan oleh hanya 47 peratus pengundi pada PRU13 lalu.

Sejarah negara telah mencatatkan bahawa sebanyak dua kali berlaku pergerakan besar sokongan pengundi (khususnya

# Jika Tun Mahathir kembali ke pentas PAS



penyokong Umno) mengundi pembangkang yang menyebabkan BN terima padah. Kali pertama apabila pada pilihan raya umum tahun 1990, undi penyokong Umno "dilarikan" oleh kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah. Kali kedua pada pilihan raya tahun 1999 undi Melayu Umno dilarikan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Padahalnya sama-sama kita ketahui. Kejayaannya ialah apabila undi yang dilarikan dari Umno itu bergabung dengan pembangkang melalui jalinan kerjasama.

Pengaruh Tun dalam kalangan Umno masih kuat, cuma setakat ini mereka juga masih bersama Umno yang kononnya, menentang Najib demi menyelamatkan Umno dan BN. Beberapa pihak dalam Umno cuba mendamaikan Tun dan Najib.

Ia mengingatkan kita terhadap usaha mendamaikan Tunku Abdul Rahman dengan Tun pada tahun 1990 dahulu. Yang sangat sukar untuk dijinakkan di kala itu ialah Tunku sekalipun Mahathir kelihatan seolah-olah sudah bersedia. Sebabnya Tunku lebih tua serta tiada misi politik peribadi lagi, maklumlah sudah berada di penghujung usia. Bukan mudah untuk melunakkan orang berusia.

Watak Tunku itu kini berpindah Tun di kala beliau sudah tiada wawasan politik peribadi. Pujukan atau ugutan tidak akan membawa apa-apa makna kepada Tun. Malah dari hari ke hari Tun kelihatan lebih agresif mengganggang Najib tanpa rasa ihsan terhadap Umno itu sendiri. Soalnya sejauh mana Tun boleh dikeluarkan dari Umno seperti terpisahnya Tengku Razaleigh dan Anwar dahulu.

PAS cuba mempelawa Tun untuk "berkongsi pentas ceramah" dengan di Pilihan Raya Kecil Parlimen Rompin. Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub berkata,

Harakah - 8/5/2015  
pelawaan itu dibuat selepas bekas perdana menteri itu turun padang baru-baru ini untuk membicarakan isu-isu semasa berkaitan kepincangan pentadbiran kerajaan sedia ada: "Beliau buat 'jelajah' satu negara untuk jumpa rakyat bagi menjelaskan bagaimana perdana menteri gagal memimpin negara dengan baik.

"Jadi saya sebagai Naib Presiden PAS mempelawa Tun Mahathir bersama-sama kami dalam PRK Rompin ini. Kalau beliau mahu berkongsi pentas silakan," katanya.

Pelawaan itu dibuat sebaik Tun menyampaikan ucapan mengenai isu dan persoalan berbangkit berhubung pentadbiran Razak menerusi program bicara negarawan anjuran badan bukan kerajaan (NGO). Ia adalah program turun padang pertamanya untuk berbicara secara langsung mengenai isu-isu semasa yang mana sebelum ini kebanyakan persoalan mengenai kepimpinan

Perdana Menteri disentuhnya menerusi tulisan di laman blognya atau sidang akhbar.

Tun pernah berceramah atas pentas PAS dalam PRK Kapar, Selangor tahun 1971 selepas dipecat dari Umno. Tidaklah mustahil untuk beliau kembali ke pentas PAS selepas 44 tahun jika kena caranya. Dalam politik tiada yang mustahil.

Kem Najib sedang mengadakan perang saraf melalui saluran media, saban hari menyerang Tun. Kumpulan tersebut lebih memikirkan kerjaya politik Najib berbanding kuasa politik BN. Masalah besar bagi Najib ialah Tun bukan jenis manusia yang boleh ditundukkan dengan tekanan, ugutan atau habuan sekalipun. Serangan berterusan terhadap Tun melalui media akan menyebabkan beliau lebih agresif. Kata orang, ketegar orang tua sukar diubah.

Sejauh mana pembangkang mahu memanfaatkan Tun untuk meluaskan jalan ke Putrajaya? Segalanya perlukan kebijaksanaan.